

Pelajar UPM bantu pulihara penyu

Oleh Sarah Aina Shawal
sarah.aina@bh.com.my

► Kemaman

Prihatin terhadap kepentingan alam sekitar dan tanggungjawab memulihara penyu mendorong sekumpulan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) menyertai Program Green Corporate

Relation 2014 (GCR'14) di pantai Ma'Daerah, di sini, baru-baru ini.

Pengarah Program GCR'14, Mohamad Fikri Murat, berkata program itu bertujuan memupuk semangat memulihara ekosistem kehidupan laut sekali gus memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan peserta.

Mohamad Fikri berkata, program berlangsung selama tiga hari dua malam membabitkan 53 pe-

serta dalam kalangan Sekretariat Komunikasi Korporat Kolej Tun Dr Ismail, UPM.

Bersih kawasan

Katanya, pelbagai aktiviti dijalankan termasuk membersih kawasan sekitar pantai Ma'Daerah, melepaskan 30 ekor anak penyu di persisiran pantai berkenaan dan lawatan ke Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Rantau Abang, Terengganu.

Peserta, Noor Jima Abd Wahab, berkata lawatan ke Pusat Konservasi Dan Penerangan Penyu, Rantau Abang mendedahkan mereka berkaitan proses kitaran hidup seekor penyu bermula daripada menetas sehingga mencapai peringkat matang.

Katanya, peserta turut berpeluang mengenali pelbagai spesies penyu yang terdapat di Malaysia seperti Belimbang, Karah, Agar dan Lipas.

“Pengalaman yang diperoleh sepanjang program ini memberi kesedaran terhadap kepentingan peranan pelajar dalam membantu memulihara habitat haiwan berkenaan,” katanya.



Peserta mengumpulkan telur penyu untuk proses penetasan.



Peserta membersih kawasan sekitar persisiran pantai Ma'Daerah.